

Music Time



MUSIC IS FUN! Satu konsep yang menjadi visi kepada semua 400 buah sekolah dalam melaksanakan program Music Time Keyboard di peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan. Program ini berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berbakat dalam bidang ko- akademik khususnya kemahiran kibod. Secara tidak langsung, ia dapat menanam minat, perkembangan kreatif, pembelajaran dua hala dan meningkatkan keyakinan pelajar. Peranan guru sekolah dan ibubapa yang dapat mencungkil bakat pelajar juga adalah satu anjakan paradigma kepada kejayaan program Music Time secara keseluruhannya.



BENKEL GURU MUSIC TIME KEYBOARD



Bengkel Buku Step 2,3
Terengganu 15 Julai 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Kelantan 24, 25 Julai 2019



Bengkel Buku Step 1
Pahang 5 Ogos 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Bintulu 5 Ogos 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Sibu 6 Ogos 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Kuching 8 Ogos 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Selangor 20 Ogos 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Kuala Lumpur 22 Ogos 2019



Bengkel Buku Step 3
Labuan 3 Sept 2019



Bengkel Buku Step 3
Kota Kinabalu 5 Sept 2019



Bengkel Buku Step 2,3
Pahang 26 Sept 2019

PERSEMBAHAN PELAJAR SEKOLAH PROGRAM MUSIC TIME



PERSEMBAHAN PELAJAR MUSIC TIME SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN TAHUN 6 2019

Seramai 10 orang pelajar tahun 6 dari SK Temenggong Abdul Rahman 1 (Johor) telah membuat persembahan lagu Mirae di hadapan barisan tetamu dan guru-guru sempena Majlis Konvokesyen Tahun 6 2019 di M-Suites Hotel.

PERSEMBAHAN SEMPENA HARI APRESIASI 2019



Pelajar SK Merlimau 1, Melaka yang terdiri daripada 10 orang dari tahun 2 dan 3 telah membuat persembahan pada Hari Apresiasi 2019 di sekolah. Mereka membuat persembahan lagu The Old Man & a Camel dan juga Dancing in a Circle.

PERSEMBAHAN SEMPENA HARI ANUGERAH CEMERLANG 2019



8 orang pelajar dari tahap 2 SK Taman Seri Gombak 2 Selangor telah membuat persembahan bagi Majlis Hari Anugerah 2019 dengan membawa dua buah lagu iaitu Jong Jong Inai dan Little Brown Jug.

PERSEMBAHAN SEMPENA HARI ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK 2019



Sempena Hari Anugerah Kecemerlangan Akademik 2019, pelajar Music Time SK Alor Gajah 1 telah membuat persembahan keyboard dihadapan tetamu dengan beberapa buah lagu seperti Butterfly, Tepuk Amai-Amai, Marry Had A Little Lamb dan The Old Man & The Camel. Kumpulan ini terdiri daripada pelajar darjah tiga.

PANDANGAN MEREKA BERKENAAN PROGRAM MUSIC TIME



**Cikgu Nisa - Guru
SK Seri Permai, Penang**

Program ini dapat mencungkil bakat murid-murid dan memberi peluang kepada murid untuk mempelajari kibod di sekolah. Ini disebabkan tidak semua pelajar mendapat peluang percuma seperti program ini. Selain itu, pelajar juga dapat melepaskan stress apabila bermain keyboard bersama kawan-kawan di sekolah.

**Pn. Datin Aminah - Penjaga
SK Damansara Jaya 1, Selangor**

Untuk pertandingan tahun ini, saya amat prihatin terhadap permainan kibod. Bukan dari segi kostum dan lain-lain. Ibu bapa dan guru pula telah bekerjasama untuk pertandingan ini dan memberi latihan insentif untuk pelajar. Pelajar juga sangat komited dalam latihan dan bersemangat dalam kelas muzik ini.



**Pn. Rogayah Mohamad –
Jabatan Pendidikan Melaka
(Unit Pembangunan Bakat Murid)**



Program ini sangat bagus untuk mencungkil bakat murid dari tahap 1 dan 2. Pihak Yamaha Music juga telah memberi kibod untuk sekolah-sekolah melakukan aktiviti sehingga ke peringkat kebangsaan dan memberi bimbingan kepada guru-guru. Dari segi pengadil markah, pengiraan sangat adil kerana hakim terdiri daripada pelbagai pihak.

**Siti Aisyah Bt Sharizwan – Pelajar
SK Pandan Perdana, Selangor**

Saya berasa sangat seronok kerana dapat belajar dalam kelas kibod ini bersama dengan kawan-kawan di sekolah, belajar notasi muzik dan ini memang minat saya untuk bermain alat muzik seperti kibod.



SEPATAH DUA KATA DARI YAMAHA MUSIC



**Mr. Satohiro Kondo –
Pengarah Urusan
Yamaha Music**

Selamat Tahun Baru kepada semua. Tahun ini Yamaha Music Malaysia mensasarkan bilangan pelajar seramai 12, 000 orang dalam penglibatan

program Music Time. Diharap program ini dapat memberi peluang kepada pelajar yang tidak berpeluang belajar muzik kibod. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program Music Time. “Music is Fun”



**Mr. Teoh Ka Joo-
Sokongan Profesional**

Kepada semua guru Music Time, saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020. Saya juga berharap anda semua dalam keadaan sihat sejahtera dan mengajar kelas muzik dengan

gembira. Jangan lupa ‘Music is Fun’ dan biarkan pelajar menikmati keseronokan dengan bermain midi yang telah diberikan. ‘Music is for life’ dan akan sentiasa bersama anda. Jumpa lagi!



**Mr. Raymond Yee -
Pengurus Besar Program Music Time**

Salam sejahtera daripada Yamaha Music Malaysia. Terima kasih kepada semua pegawai KPM, JPN, Guru Besar, Guru Music Time dan ibubapa dalam menjayakan program ini. Pihak kami sentiasa membantu dalam usaha memperkasakan Pendidikan Muzik kepada anak-anak muda. Budaya muzik merupakan satu aktiviti sihat kepada siasah seseorang. Ia dapat memberi ketenangan dan disiplin kepada individu tersebut. Dengan dasar Penggunaan Didik Hibur, pelajar akan seronok mempelajari muzik.


**En. Haswani -
Penyelia Program Music Time**



Salam sejahtera dan Selamat Tahun Baru, terima kasih diucapkan kepada semua guru program Music Time dalam usaha menjayakan program ini. Pihak Yamaha akan sentiasa membantu Kementerian Pendidikan

dalam usaha memperkasa Pendidikan muzik. Harapan Yamaha adalah untuk memperkembangkan Pendidikan Muzik kibod dikalangan semua pelajar sekolah rendah seawal 8 tahun.

**Nadiyah-
Penyelia Program Music Time**



Pada tahun baru ini, saya berharap guru dan pelajar Music Time tidak akan berputus asa untuk meneruskan pembelajaran kibod di sekolah dan seterusnya menjadi seorang pelajar yang berbakat tidak kira dari segi akademik mahupun ko- akademik. Kami dari Yamaha Music akan terus menyokong anda semua. Selamat menyambut Tahun Baru 2020! Music is Fun!

PERTANDINGAN KEYBOARD MUSIC TIME SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH PERINGKAT NEGERI 2019

Senarai Penyertaan Mengikut Negeri

No.	Tarikh	Negeri	Bilangan sekolah
1	20/6/2019	Negeri Sembilan	7
2	6/10/2019	Terengganu	20
3	17/10/2019	Pahang	15
4	20/10/2019	Labuan	10
5	22/10/2019	Perlis	18
6	31/10/2019	Johor	30
7	4/11/2019	Putrajaya	14
8	4,5/11/2019	Selangor	40
9	7/11/2019	Kuala Lumpur	19
10	8/11/2019	Melaka	8
11	Melalui Online	Sabah	40
12	Melalui Online	Sarawak	40



PERTANDINGAN KEYBOARD MUSIC TIME SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2019



東馬電子琴小學組賽 培養孩子對音樂喜好

納閩日訊：由雅馬哈音樂大馬有限公司與大馬教育發展局聯合主辦的東馬區電子琴小學組賽，培養孩子對音樂喜好，也在該種界中展現他們的音樂才華。

雅馬哈音樂大馬有限公司是活動目的之一，因為教育總監表示在令中半午的開幕禮上表示，音樂也可成生活的一部分，它與生活息息相關及緊密聯繫。

「我們也相信音樂是成好靈心灵魂的語言，透過學習音樂能給我們提供有關係，讓東馬小學生有機會向國際音樂教育發展。」

雅馬哈音樂大馬有限公司執行董事羅維亞在會中說，音樂也是培養孩子健康團隊方式之一，從音樂學習上也讓孩子開發及音樂創造力。



沙巴新聞 A4

**東馬區小學鍵盤音樂賽
納閩橫掃高低班組冠軍**

【本報納閩13日訊】由雅馬哈音樂大馬有限公司與大馬教育發展局聯合主辦的東馬區電子琴小學組賽，在納閩舉行。這項比賽旨在培養孩子對音樂的興趣，並展現他們的音樂才華。

在開幕禮上，雅馬哈音樂大馬有限公司執行董事羅維亞表示，音樂是生活的一部分，透過學習音樂能給我們提供有關係，讓東馬小學生有機會向國際音樂教育發展。

羅維亞說，音樂也是培養孩子健康團隊方式之一，從音樂學習上也讓孩子開發及音樂創造力。



AKTIVITI SEKOLAH PROGRAM MUSIC TIME

SK PASIR PANJANG, NEGERI SEMBILAN



Usaha dalam menubuhkan The Keyboardist Team di sekolah adalah langkah awal untuk menerapkan unsur – unsur “Music Is Fun” selaras dengan slogan Yamaha. Di Peringkat Kebangsaan 2018, sekolah ini telah mendapat Pingat Gangsa bagi Tahap 1 dan Pingat Perak bagi Tahap 2. Pada November 2019, SK Pasir Panjang akhirnya berjaya mendapat gelaran Naib Johan dengan memegang Pingat Emas. The Keyboardist Team sering dijemput mengadakan persembahan – persembahan di sekolah. Pada Tahun 2018 kumpulan ini telah dijemput mengadakan persembahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Panjang bagi Program Hari Kantin sekolah tersebut.

SK ST. MARY, SARAWAK



SK St. Mary telah mewujudkan Kelab Muzik khas untuk melatih murid-murid belajar bermain kibod sebagai salah satu program untuk Sekolah Berprestasi Tinggi. Latihan diadakan pada setiap Rabu selama 2 jam. Seramai 20 orang murid dari tahun 4 dan 5 menyertai kelab ini. Pada bulan November 2019, murid-murid ini telah menyertai pertandingan peringkat negeri bagi mewakili Zon Sarawak dan dinobatkan sebagai Naib Johan. Pertandingan ini dapat menyemai keyakinan diri pelajar. Sokongan daripada pihak sekolah terutamanya Guru Besar dan ibu bapa memberi semangat untuk meneruskan aktiviti kelab ini.

AKTIVITI SEKOLAH PROGRAM MUSIC TIME

SK BAROH PIAL, KELANTAN



SK Baroh Pial merupakan sekolah luar bandar yang kecil, tidak mempunyai guru muzik, tidak mempunyai bilik muzik dan tiada kelengkapan seperti sekolah-sekolah lain. Namun dengan adanya bantuan Yamaha Music dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta inisiatif Cikgu Haslinda Abd Rahim yang memberi latihan kibod dengan hanya menumpang mengajar di kelas pemulihan khas, pelajar sekolah mampu menunjukkan bahawa minat dan usaha kami mampu bersaing secara sihat demi kemenjadian murid sekolah ini. Kami SK Baroh Pial, mampu Hebat!

SK TAMAN DATO' HARUN 1, SELANGOR



Program Music Time telah melahirkan bakat murid SK Taman Dato' Harun 1 dengan terhasilnya kumpulan band sekolah gabungan pelbagai alat muzik seperti kibod, gitar, dram dan rekorder. Nama band kumpulan ini adalah The Harunians Band yang terdiri daripada 10 orang murid darjah 4 dan 6 orang daripada mereka adalah pelajar Music Time. Mereka menyampaikan persembahan Asmaradana Instrumental untuk Pertandingan Nyanyian Solo dan Kombo Rendah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2020, wakil Daerah Petaling Utama.

PSS-F30

Permulaan Awal Muzik



- Mini Kibod Berkualiti Tinggi
- 120 Pelbagai Pilihan Bunyi
- Percuma Buku Lagu Digital
- Ringan & Padat
- USB Bateri Cas
- Boleh dibawa kemana sahaja!



A



3 4 3 2 1 2 1 3 4 3 2 1 2 1 2 2 3 4 5 3 1

5 **B**



2 2 3 4 2 3 1 2 2 3 4 5 3 1

9



2 1 2 3 4 5 4 3 1 2 2 4 3 2 1 2 2 2

13 **C**



5 2 5 2 4 3 2 1 2 3 4 2



3 4 3 2 1 2 1 3 4 3 2 1 2 1 2 2 3 4 5 3

KAMI PRIHATIN TENTANG ANDA



KERAP MEMBASUH
TANGAN




MEREKOD SUHU
SEBELUM MASUK KE PREMIS



JANGAN SENTUH MUKA
SEBELUM BASUH TANGAN



GUNA
TOPENG MUKA



1 METER

AMALKAN
PENJARAKAN SOSIAL



PENCEGAHAN
COVID-19
CORONAVIRUS DISEASE 2019



GUNA
HAND SANITIZER

Diterbit oleh

YAMAHA MUSIC (MALAYSIA) SDN. BHD. (11746-X)

No.8, Jalan Perbandaran, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

my.yamaha.com

[facebook/yamahamusicmalaysia](https://facebook.com/yamahamusicmalaysia)